

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1991

**PEMBERIAN PENDAHULUAN KENAIKAN GAJI 5% BAGI
ANGGOTA-ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk:

- 1.1.1 memaklumkan keputusan Kerajaan memberi pendahuluan kenaikan gaji 5% bagi anggota-anggota perkhidmatan awam berkuatkuasa mulai **1 Januari 1991**; dan
- 1.1.2 menetapkan kaedah pelaksanaannya.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Sepertimana sedia termaklum, beberapa skim perkhidmatan telah terlibat dalam penyusunan semula struktur perkhidmatan seperti berikut:

<i>Perkhidmatan</i>	<i>Tarikh Kuatkuasa</i>	<i>Rujukan JPA</i>
Pendidikan	1 Januari 1989	JPA. (S) 324/14/9 Klt. 8/(3)
Teknikal	1 Januari 1989	JPA. (S) 324/1/5-1/(95)
Pembantu Am Rendah	1 Januari 1989	JPA. (S) 324/9/6-1/ Klt. 2/(63)
Pentadbiran	1 April 1989	JPA. (S) 215/17/1/(17)

2.2 Berikutan dengan urusan-urusan penyusunan semula struktur perkhidmatan seperti di atas itu, sebahagian daripada anggota perkhidmatan-perkhidmatan tersebut telah menerima kenaikan gaji mengikut kadar-kadar tertentu. Sehubungan dengan-nya, Kerajaan telah mengarahkan supaya skim-skim perkhidmatan yang lain juga dikaji semula secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, urusan ini dijangka mengambil masa yang panjang. Sementara itu, Kerajaan telah juga menerima memorandum mengenai "Tuntutan Pelarasan Gaji 1990" dari CUEPACS. Berdasarkan

perkembangan-perkembangan yang dimaksudkan itu, Kerajaan telah membuat keputusan memberi **kenaikan gaji 5% sebagai pendahuluan mulai 1 Januari 1991** sebelum urusan kajian semula secara menyeluruh itu dapat diselesaikan, yang mana akan juga mengambil kira tuntutan-tuntutan dalam memorandum berkenaan.

2.3 Dalam membuat keputusan seperti di atas itu, Kerajaan telah juga menetapkan bahawa:

- 2.3.1 mereka yang terlibat dalam urusan penyusunan semula struktur perkhidmatan di perenggan 2.1 tetapi **tidak menerima sebarang faedah kenaikan gaji** akan diberi pendahuluan kenaikan gaji 5%. Contoh penentuan kenaikan gaji adalah seperti di **Lampiran I**;
- 2.3.2 mereka yang terlibat dalam urusan itu tetapi menerima faedah yang **kurang daripada 5%** akan diberi **“topping-up”** kepada had maksimum 5%. Contoh penentuan kenaikan gaji adalah seperti di **Lampiran II**; dan
- 2.3.3 mereka yang menerima faedah kenaikan gaji **5% dan lebih** melalui urusan tersebut tidak layak diberi faedah pendahuluan kenaikan gaji 5% ini. Contoh penentuan kenaikan gaji adalah seperti di **Lampiran III**.

3. PELAKSANAAN

Liputan

3.1 Pendahuluan kenaikan gaji 5% ini hanya diberi kepada **anggota-anggota perkhidmatan awam yang bertaraf tetap dan sementara** yang sedang berkhidmat pada tarikh kuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan ini. Bagi semua perlantikan pertama kali ke dalam perkhidmatan awam selepas 1 Januari 1991, pendahuluan kenaikan gaji 5% ini adalah ditangguhkan sehingga urusan kajian penyusunan semula yang menyeluruh diselesaikan. Anggota-anggota tetap adalah ditafsirkan sebagai mereka yang **dilantik ke jawatan tetap**, iaitu, termasuk mereka yang dalam **percubaan, tukar sementara dan pinjaman**.

Perkiraan

3.2 Pemberian pendahuluan kenaikan gaji 5% ini adalah dikira berdasarkan kepada **gaji pokok hakiki** pada 1 Januari 1991 seperti di **Lampiran IV**. Gaji pokok adalah ditafsirkan sebagai upahan tidak termasuk apa-apa elaun. Pemberian ini dibuat secara berasingan tanpa mengubah struktur tanggagaji yang sedia wujud.

3.3 Pendahuluan kenaikan gaji 5% ini juga tidak akan mengubah syarat-syarat perkhidmatan seperti tempoh percubaan, tarikh kenaikan gaji, sekatan peperiksaan dan sekatan kecekapan, serta kelayakan elaun dan kemudahan sepertimana yang diperuntukkan sebelum pemberian pendahuluan kenaikan gaji 5% ini.

3.4 Walau bagaimanapun, perubahan gaji pokok hakiki yang berlaku selepas 1 Januari 1991 akan mengubah kadar pendahuluan mulai tarikh perubahan gaji tersebut.

3.5 Dalam keadaan di mana tarikh kenaikan gaji tahunan adalah pada 1 Januari 1991, pemberian pendahuluan kenaikan gaji 5% ini adalah berdasarkan kepada gaji pokok hakiki selepas diberi kenaikan gaji tahunan.

Pesara

3.6 Pesara adalah juga layak menerima faedah pendahuluan kenaikan gaji 5% ini berdasarkan kepada gaji bersamaan yang akhir diterima.

Anggota-Anggota Yang Tidak Layak

3.7 Selain daripada anggota-anggota perkhidmatan awam yang dinyatakan di perenggan 2.3.3, pendahuluan kenaikan gaji 5% ini tidak diberi kepada:

- 3.7.1 anggota-anggota perkhidmatan awam bertaraf sementara dan tetap yang telah **meletakkan jawatan** atau **meninggalkan perkhidmatan** atas sebarang sebab atau **dibuang kerja** atas sebab tindakan tatatertib di antara 1 Januari 1991 dan tarikh keluarnya Pekeliling Perkhidmatan ini;
- 3.7.2 anggota-anggota tetap perkhidmatan awam yang **ditahan kerja, digantung kerja** atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Lembaga Tatatertib berkenaan dengan tujuan buang kerja; dan
- 3.7.3 anggota-anggota perkhidmatan awam yang bertaraf **sangkut, sambilan, kontrak** dan **sandaran**.

3.8 Bagi anggota-anggota tetap perkhidmatan awam yang dimaksudkan di perenggan 3.7.2, pemberian pendahuluan kenaikan gaji 5% ini hanya boleh dibuat apabila keputusan tindakan tatatertib berkenaan tidak melibatkan mereka dibuang kerja.


4. GARIS PANDUAN

4.1 Garis panduan mengenai pelaksanaan pemberian pendahuluan kenaikan gaji 5% bagi skim-skim perkhidmatan yang disusun semula akan diedarkan secara berasingan.

5. PEMAKAIAN

5.1 Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini juga dipanjangkan kepada Perkhidmatan-perkhidmatan Negeri, Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATO' MAHMUD BIN TAIB,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR

14 Februari 1991.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan.

LAMPIRAN I

Juruteknik Tingkatan Biasa yang tidak menerima sebarang faedah kenaikan gaji berikutan dengan penyusunan semula Struktur Baru Perkhidmatan Teknikal yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1989.

<i>Tarikh</i>	<i>C10</i>	<i>C7</i>	<i>Perbezaan</i>	<i>5%</i>	<i>Catatan</i>
	\$ sen	\$ sen	\$ sen	\$ sen	
1-1-89	815	815	—		Tarikh kuatkuasa SBPT
1-6-89		845			Kenaikan gaji tahunan
1-6-90		905			Kenaikan gaji tahunan
1-1-91		905		45.25	Tarikh kuatkuasa PP. Bil. 2/91. Layak menerima \$45.25
1-6-91		945		47.25	Kadar 5% berubah berikutan kenaikan gaji tahunan. Layak menerima \$47.25
1-6-92		985		49.25	Kadar 5% berubah berikutan kenaikan gaji tahunan. Layak menerima \$49.25

Juruteknik Tingkatan Biasa yang menerima faedah kenaikan gaji yang kurang daripada 5% berikutan dengan penyusunan semula Struktur Baru Perkhidmatan Teknikal yang berkuatkuasa mula 1 Januari 1989 akan diberi "topping-up" kepada had maksimum 5%.

<i>Tarikh</i>	<i>C10</i>	<i>C7</i>	<i>Perbezaan</i>	<i>5%</i>	<i>Catatan</i>
	\$ sen	\$ sen	\$ sen	\$ sen	
1-1-89	660	665	5.00		Tarikh kuatkuasa SBPT
1-4-89		695			Kenaikan gaji tahunan
1-4-90		725			Kenaikan gaji tahunan
1-1-91		725		36.25	Tarikh kuatkuasa PP. Bil. 2/91. Layak menerima "topping-up" sebanyak \$31.25 (\$36.25-\$5.00)
1-4-91		755		37.75	Kadar 5% berubah berikutan kenaikan gaji tahunan. Layak menerima \$32.75 (\$37.75-\$5.00)

Juruteknik Tingkatan Biasa yang telah menerima faedah kenaikan gaji 5% dan lebih melalui urusan penyusunan semula Struktur Baru Perkhidmatan Teknikal yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1989.

<i>Tarikh</i>	<i>C10</i>	<i>C7</i>	<i>Perbezaan</i>	<i>5%</i>	<i>Catatan</i>
	\$ sen	\$ sen	\$ sen	\$ sen	
1-5-88	435				Tarikh lantikan
1-1-89	435	605	170		Tarikh kuatkuasa SBPT
1-12-89		635			Kenaikan gaji tahunan
1-12-90		665			Kenaikan gaji tahunan
1-1-91		665		33.25	Tarikh kuatkuasa PP. Bil. 2/91. Tidak layak menerima \$33.25
1-12-91		695		34.75	Tidak layak menerima \$34.75

PENDAHULUAN KENAIKAN GAJI 5% BAGI ANGGOTA-ANGGOTA
PERKHIDMATAN AWAM

<i>Matagaji</i>	<i>Kadar Kenaikan 5%</i>	<i>Matagaji</i>	<i>Kadar Kenaikan 5%</i>
300.00	15.00	510.00	25.50
310.00	15.50	515.00	25.75
320.00	16.00	520.00	26.00
330.00	16.50	530.00	26.50
335.00	16.75	535.00	26.75
340.00	17.00	540.00	27.00
350.00	17.50	545.00	27.25
355.00	17.75	550.00	27.50
360.00	18.00	555.00	27.75
365.00	18.25	560.00	28.00
370.00	18.50	565.00	28.25
380.00	19.00	570.00	28.50
385.00	19.25	575.00	28.75
390.00	19.50	580.00	29.00
395.00	19.75	585.00	29.25
400.00	20.00	590.00	29.50
410.00	20.50	595.00	29.75
415.00	20.75	600.00	30.00
420.00	21.00	605.00	30.25
425.00	21.25	610.00	30.50
430.00	21.50	620.00	31.00
435.00	21.75	625.00	31.25
440.00	22.00	630.00	31.50
445.00	22.25	635.00	31.75
450.00	22.50	640.00	32.00
455.00	22.75	645.00	32.25
460.00	23.00	650.00	32.50
470.00	23.50	655.00	32.75
475.00	23.75	660.00	33.00
480.00	24.00	665.00	33.25
485.00	24.25	670.00	33.50
490.00	24.50	680.00	34.00
495.00	24.75	685.00	34.25
500.00	25.00	695.00	34.75
505.00	25.25	700.00	35.00

<i>Matagaji</i>	<i>Kadar Kenaikan 5%</i>	<i>Matagaji</i>	<i>Kadar Kenaikan 5%</i>
705.00	35.25	905.00	45.25
710.00	35.50	910.00	45.50
715.00	35.75	915.00	45.75
720.00	36.00	920.00	46.00
725.00	36.25	925.00	46.25
730.00	36.50	930.00	46.50
735.00	36.75	935.00	46.75
740.00	37.00	940.00	47.00
745.00	37.25	945.00	47.25
750.00	37.50	950.00	47.50
755.00	37.75	955.00	47.75
760.00	38.00	960.00	48.00
765.00	38.25	965.00	48.25
770.00	38.50	970.00	48.50
775.00	38.75	980.00	49.00
780.00	39.00	985.00	49.25
785.00	39.25	990.00	49.50
790.00	39.50	995.00	49.75
795.00	39.75	1000.00	50.00
800.00	40.00	1005.00	50.25
805.00	40.25	1010.00	50.50
810.00	40.50	1015.00	50.75
815.00	40.75	1020.00	51.00
820.00	41.00	1025.00	51.25
825.00	41.25	1030.00	51.50
830.00	41.50	1035.00	51.75
835.00	41.75	1040.00	52.00
840.00	42.00	1050.00	52.50
845.00	42.25	1055.00	52.75
855.00	42.75	1060.00	53.00
860.00	43.00	1065.00	53.25
865.00	43.25	1070.00	53.50
870.00	43.50	1080.00	54.00
875.00	43.75	1085.00	54.25
880.00	44.00	1090.00	54.50
885.00	44.25	1100.00	55.00
890.00	44.50	1105.00	55.25
895.00	44.75	1110.00	55.50
900.00	45.00	1115.00	55.75

<i>Matagaji</i>	<i>Kadar Kenaikan 5%</i>	<i>Matagaji</i>	<i>Kadar Kenaikan 5%</i>
1120.00	56.00	1390.00	69.50
1125.00	56.25	1410.00	70.50
1130.00	56.50	1425.00	71.25
1140.00	57.00	1430.00	71.50
1145.00	57.25	1440.00	72.00
1150.00	57.50	1445.00	72.25
1155.00	57.75	1450.00	72.50
1160.00	58.00	1465.00	73.25
1165.00	58.25	1470.00	73.50
1170.00	58.50	1485.00	74.25
1175.00	58.75	1490.00	74.50
1180.00	59.00	1500.00	75.00
1185.00	59.25	1505.00	75.25
1190.00	59.50	1510.00	75.50
1200.00	60.00	1515.00	75.75
1205.00	60.25	1530.00	76.50
1210.00	60.50	1545.00	77.25
1215.00	60.75	1550.00	77.50
1225.00	61.25	1570.00	78.50
1230.00	61.50	1575.00	78.75
1235.00	61.75	1580.00	79.00
1245.00	62.25	1585.00	79.25
1250.00	62.50	1590.00	79.50
1265.00	63.25	1605.00	80.25
1270.00	63.50	1610.00	80.50
1275.00	63.75	1625.00	81.25
1280.00	64.00	1630.00	81.50
1285.00	64.25	1650.00	82.50
1290.00	64.50	1655.00	82.75
1295.00	64.75	1665.00	83.25
1305.00	65.25	1670.00	83.50
1310.00	65.50	1690.00	84.50
1330.00	66.50	1710.00	85.50
1345.00	67.25	1725.00	86.25
1350.00	67.50	1740.00	87.00
1355.00	67.75	1745.00	87.25
1365.00	68.25	1750.00	87.50
1370.00	68.50	1770.00	88.50
1385.00	69.25	1785.00	89.25

<i>Matagaji</i>	<i>Kadar Kenaikan 5%</i>	<i>Matagaji</i>	<i>Kadar Kenaikan 5%</i>
1790.00	89.50	2605.00	130.25
1800.00	90.00	2650.00	132.50
1815.00	90.75	2680.00	134.00
1820.00	91.00	2705.00	135.25
1830.00	91.50	2750.00	137.50
1845.00	92.25	2760.00	138.00
1870.00	93.50	2780.00	139.00
1875.00	93.75	2880.00	144.00
1890.00	94.50	3000.00	150.00
1895.00	94.75	3030.00	151.50
1945.00	97.25	3120.00	156.00
1950.00	97.50	3150.00	157.50
1970.00	98.50	3240.00	162.00
1990.00	99.50	3270.00	163.50
2010.00	100.50	3300.00	165.00
2025.00	101.25	3360.00	168.00
2045.00	102.25	3390.00	169.50
2050.00	102.50	3420.00	171.00
2070.00	103.50	3480.00	174.00
2100.00	105.00	3510.00	175.50
2120.00	106.00	3570.00	178.50
2130.00	106.50	3600.00	180.00
2145.00	107.25	3630.00	181.50
2150.00	107.50	3720.00	186.00
2175.00	108.75	3750.00	187.50
2190.00	109.50	3870.00	193.50
2195.00	109.75	4020.00	201.00
2205.00	110.25	4170.00	208.50
2250.00	112.50	4320.00	216.00
2270.00	113.50	4470.00	223.50
2305.00	115.25	4620.00	231.00
2345.00	117.25	4770.00	238.50
2350.00	117.50	5120.00	256.00
2405.00	120.25	5320.00	266.00
2450.00	122.50	5670.00	283.50
2505.00	125.25	5870.00	293.50
2550.00	127.50	6170.00	308.50
2580.00	129.00	6460.00	323.00